



**GARIS PANDUAN  
AGIHAN PERUNTUKAN KHAS KERAJAAN PERSEKUTUAN  
KEPADA  
INSTITUSI-INSTITUSI DI BAWAH LEMBAGA PENASIHAT  
PENYELARASAN PELAJARAN DAN PENDIDIKAN AGAMA ISLAM  
(LEPAI) DAN BERKAITAN**

**1. TUJUAN**

1.1 Garis Panduan ini dibangunkan sebagai rujukan dan panduan kepada pihak-pihak yang terlibat berkaitan pengurusan peruntukan khas daripada Kerajaan Persekutuan kepada institusi-institusi di bawah Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) dan berkaitan

**2. TAFSIRAN**

“Institusi” - semua institusi pendidikan yang tersenarai di bawah LEPAI dan yang berkaitan

“JAKIM” – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

“LEPAI” - Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam

“Pihak Berkuasa Agama” – Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Yayasan Islam Negeri. atau JAKIM

“Peruntukan Khas” – peruntukan kewangan atau subsidi kerajaan persekutuan.

### 3. LATAR BELAKANG

3.1 Kementerian Kewangan (MoF) melalui Jabatan Perdana Menteri (JPM) menyalurkan peruntukan Bantuan Khas kepada institusi-institusi di bawah LEPAI dan berkaitan.

3.2 Selaras dengan peranan JAKIM sebagai urus setia LEPAI yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja dalam mesyuaratnya kali ke-126 pada 24 Februari 1983 iaitu melaksanakan fungsi LEPAI seperti yang diperuntukkan dalam peraturan 3 LEPAI seperti berikut :

***Peraturan 3 (a)*** *memperuntukkan fungsi LEPAI adalah untuk “menyelaraskan pelajaran dan pendidikan agama Islam di Sekolah-sekolah Agama Negeri dan Sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh Malaysia (termasuk Maahad/sekolah Tahfiz dan Institusi Pendidikan Pondok).”*

***Peraturan 3 (f)*** *Menyalurkan dengan saksama apa-apa bantuan, pemberian atau subsidi untuk faedah sekolah-*

*sekolah tersebut yang diperolehinya dari mana-mana sumber.*

- 3.3 Sehubungan itu, Garis Panduan ini disediakan untuk dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang berkaitan dalam mengurus dan menyelaras peruntukan khas tersebut.

#### **4. OBJEKTIF**

4.1 Objektif garis panduan ini adalah seperti berikut:

- i) Menenal pasti kriteria institusi dan skop projek.
- ii) Menerangkan tatacara pengurusan peruntukan kewangan secara berhemat dan berintegriti.
- iii) Menjadi panduan pelaksanaan pemantauan dan penyediaan laporan prestasi perbelanjaan peruntukan.

#### **5. KRITERIA INSTITUSI YANG LAYAK**

5.1 Institusi yang layak adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

- i) Berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama.
- ii) Memasukkan data dengan lengkap dalam Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI).
- iii) Individu atau Organisasi pemilik institusi adalah warganegara Malaysia.
- iv) Penama akaun institusi bukan penama individu.
- v) Mempunyai pelajar 15 orang dan ke atas.

- vi) Melaksanakan Kurikulum Kebangsaan dan Kurikulum Agama Negeri.
- vii) Menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar utama.
- viii) Institusi yang dicadangkan oleh jawatankuasa induk.

5.2 Sumber data akan diperoleh melalui Sistem Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI).

## 6. SKOP PROJEK

6.1 Skop projek penggunaan agihan peruntukan khas meliputi aspek-aspek berikut :

- i) Penyelenggaraan dan naik taraf bangunan, dan
- ii) Penyelenggaraan dan naik taraf infrastruktur.

6.2 Peruntukan ini **tidak boleh** digunakan bagi tujuan pembayaran sewa, pembayaran emolumen (gaji, elaun, bonus dan sebagainya) pegawai dan kakitangan institusi serta pembayaran kos utiliti institusi.

## 7. MEKANISME PENGAGIHAN

7.1 Mekanisme pengagihan adalah berdasarkan kepada permohonan institusi.

- 7.2 Permohonan perlu mendapatkan pengesahan daripada Pihak Berkuasa Agama dan diserahkan kepada JAKIM dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 7.3 Jumlah peruntukan tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Induk.
- 7.4 Penetapan kadar adalah seperti di Lampiran A.
- 7.5 Permohonan yang tidak lengkap atau luar skop projek tidak akan dipertimbangkan.
- 7.6 Pengagihan peruntukan adalah melalui:
  - i) Waran; atau
  - ii) *Electronic Fund Transfer* (EFT)

## **8. PELAKSANAAN PEMANTAUAN DAN PENYEDIAAN LAPORAN**

- 8.1 Pemantauan perbelanjaan peruntukan akan dilaksanakan oleh JAKIM bersama Pihak Berkuasa Agama.
- 8.2 Institusi perlu menyediakan laporan perbelanjaan kepada JAKIM melalui Pihak Berkuasa Agama dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- 8.3 Instrumen pemantauan dan format laporan disediakan oleh JAKIM.

## 9. TANGGUNGJAWAB JABATAN

### 9.1 JAKIM

- i) Menyediakan Garis Panduan dan dokumen-dokumen berkaitan.
- ii) Memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Agama mengenai pelaksanaan peruntukan khas.
- iii) Menyelaras maklumat institusi berdasarkan sistem SIMPENI.
- iv) Menyediakan Borang Aku Janji.
- v) Memperakukan permohonan institusi setelah dinilai dan disyorkan oleh Pihak Berkuasa Agama.
- vi) Mengagihkan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Agama atau institusi, dan
- vii) Menerima laporan perbelanjaan daripada institusi melalui Pihak Berkuasa Agama.

### 9.2 Pihak Berkuasa Agama

- i) Memaklumkan kepada institusi mengenai pelaksanaan peruntukan khas.
- ii) Memastikan institusi mengemaskini sistem SIMPENI.
- iii) Menyelaras permohonan dan membuat penilaian.
- iv) Mengesyorkan cadangan terhadap permohonan institusi sebelum dikemukakan kepada JAKIM.
- v) Mengagihkan peruntukan kepada institusi sekiranya menerima peruntukan daripada JAKIM, dan
- vi) Melaksana pemantauan dan menyediakan laporan.

### 9.3 Institusi

- i) Mengemaskini maklumat dalam sistem SIMPENI.
- ii) Melantik syarikat atau kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (*Construction Industry Development Board*) – CIDB atau Kementerian Kewangan Malaysia bagi skop kerja yang berkaitan.
- iii) Mengemukakan permohonan berserta sebut harga yang lengkap dan munasabah berdasarkan skop mengikut kadar siling yang dibenarkan kepada Pihak Berkuasa Agama.
- iv) Menandatangani Aku Janji untuk melaksanakan projek yang ditetapkan.
- v) Memastikan projek diselesaikan pada tahun semasa, dan
- vi) Menyediakan dan mengemukakan laporan perbelanjaan dalam tempoh yang ditetapkan.

## 10. PENUTUP

10.1 Garis Panduan ini dibangunkan bagi memenuhi kesemua objektif yang telah dinyatakan seperti di atas bagi tujuan pengagihan peruntukan khas kerajaan persekutuan.

Disediakan oleh :

Bahagian Pendidikan  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia  
Januari 2019

**KADAR SILING PERMOHONAN**

a) Kadar siling peruntukan khas Institusi Tahfiz

<b>KATEGORI INSTITUSI</b>	<b>JUMLAH PELAJAR (ORANG)</b>	<b>KADAR SILING (RM)</b>
1	< 50	50,000.00
2	51 hingga 100	60,000.00
3	101 hingga 150	70,000.00
4	150 hingga 200	80,000.00
5	> 201	90,000.00

b) Kadar siling peruntukan khas Institusi Pondok

<b>KATEGORI INSTITUSI</b>	<b>JUMLAH PELAJAR (ORANG)</b>	<b>KADAR SILING (RM)</b>
1	< 50	125,000.00
2	51 hingga 100	150,000.00
3	101 hingga 150	175,000.00
4	150 hingga 200	200,000.00
5	> 201	225,000.00